

TARIKH : 16 JUN 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Felda rancang laksana projek tanaman jagung bijan

10 | NASIONAL

Bantu selesaikan isu kenaikan harga bekalan makanan untuk ternakan

Oleh MOHAMMAD
KHAIRIL ASHRAF
MOHD KHALID
SHAH ALAM

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dalam perancangan untuk melaksanakan projek tanaman jagung bijan di tanah seluas 3,700 hektar dengan kerjasama FGV Holdings Berhad.

Jabatan Komunikasi Strategik Felda berkata, ia bagi membantu menyelesaikan isu kenaikan mendadak harga bekalan makanan untuk ternakan.

"Projek ini dijangka dapat menyumbang sebanyak lima peratus daripada sasaran kerajaan untuk mengurangkan import jagung bijan negara lantasi dapat menstabilkan harga," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, Felda juga akan merencanakan industri ternakan ayam melalui kerja-

sama ladang kontrak dengan Ayamas Food Corporation Sdn Bhd.

"Projek dengan pelaburan berjumlah RM23 juta ini menyasarkan penghasilan 640,000 ekor ayam setiap pusingan di lapan unit reban dua tingkat.

"Projek yang dilaksanakan melalui Koperasi Permodalan Felda (KPF) akan dijalankan di kawasan seluas 20 ekar di Felda Tun Ghaffar Bukit Senggeh, Melaka," katanya.

Selain itu katanya, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Felda dengan yang terbaharu inisiatif Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang diperkenalkan pada tahun 2019.

Menurutnya, PPP dilaksanakan sebagai satu instrumen bagi mempelbagaikan serta meningkatkan pendapatan peneroka melalui aktiviti bukan berteraskan komoditi sawit dan

getah.

"Ini bertindak sebagai serampang dua mata bagi membantu menyokong Dasar Sekuriti Makanan Negara dengan meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) sekali gus mengurangkan bergantung import makanan negara.

"Sehingga kini, sebanyak 8,543 projek PPP telah diluluskan untuk dijalankan secara individu dan juga melalui penglibatan koperasi serta badan peneroka.

"Projek-projek ini telah memberi manfaat kepada 56,959 orang peneroka dan generasi baharu Felda," ujarnya.

Jelasnya, 57 peratus daripada projek PPP ini adalah melibatkan aktiviti penternakan ayam manakala 41 peratus melibatkan aktiviti pertanian seperti tanaman cili dan timun secara fertisasi serta cendawan.

Di samping itu katanya, Felda

Felda rancang laksana projek tanaman jagung bijan



Hab Lembu Pedaging yang terletak di Felda Sahabat, Sabah.

dengan kelebihan tanah yang luas mempunyai potensi yang baik untuk menjadi hab lembu pedaging seperti dilaksanakan di Felda Sahabat, Sabah.

"Secara keseluruhan, ternakan lembu secara integrasi ini,

akan melibatkan penggunaan tanah seluas 32,000 hektar.

"Bagi ternakan ruminan ini, Felda dijangka dapat menyumbang sebanyak 2.5 peratus daripada SSR nasional," katanya.